


# Pusat karaoke diserbu



**SERBU** ... Sepasukan penguatkuasa KPDNKK menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah pusat karaoke di Pusat Komersial Pelita yang diserbu malam semalam.

**LIONG CHAI LING**

MIRI, Khamis — Sebuah pusat karaoke di Pusat Komersial Pelita di sini, yang dikesan mempunyai perisian lebih 70,000

salinan lagu yang tidak berdaftar dengan Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) diserbu pihak berkuasa malam tadi. Timbalan Ketua Cawangan-Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Miri, Sayed Mohd Nizam berkata kegiatan mencuri lagu untuk dimuatkan dalam mesin karaoke itu dikesan selepas pihaknya mendapat aduan pihak RIM berhubung sebuah premis yang

didakwa tidak membayar royalti kepada syarikat rakaman. Menurutny, susulan itu sepasukan anggota KPDNKK Miri bersama pihak Industri Rakaman Malaysia (RIM) dan polis dari Bahagian Siasatan

**RAMPAS** ... Sayed Mohd Nizam (kiri) semasa sidang media di pejabat KPDNKK Miri berhubung sebuah tersebut. Jenayah Komersial Miri melakukan serbuan mengejut di premis berkenaan pada pukul 7.45 malam.

"Hasil serbuan, kita merampas pelbagai peralatan karaoke berkomputer termasuk dua mesin karaoke dengan nilai rampasan berjumlah hampir RM100,000.

"Selepas pemeriksaan pihak berkuasa mendapati mesin karaoke terabit memuatkan pelbagai lagu penyanyi tempatan dan luar negara dengan berjum-

lah lebih 70,000 salinan yang tidak sah," katanya kepada pemberita dalam sidang media di sini petang tadi.

Katanya, premis berkenaan yang sudah beroperasi hampir dua tahun tidak membayar royalti lagu yang dianggarkan bernilai lebih RM74,000 kepada syarikat rakaman.

Mengikuti Seksyen 41(1) Akta Hakcipta 1987 denda sebanyak RM2,000 boleh dikenakan bagi setiap lagu yang melanggar hak cipta atau penjara tidak lebih 10

tahun atau kedua-duanya sekali. Sayed berkata, adalah menjadi kesalahannya di bawah Akta Hakcipta bagi mana-mana pusat karaoke yang tidak mendaftar perniagaan dan juga lagu-lagu yang digunakan dalam karaoke dengan RIM.

"Setakat ini tiada tangkapan dibuat dalam serbuan itu dan kita akan siasat dengan lebih lanjut," katanya. Hadir sama dalam sidang media itu Pegawai Operasi RIM, Semananjung Malaysia, Caely Wong.